



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "ISLAM MEMUPUK PERSAUDARAAN DAN PERPADUAN"

23 Julai 2021 / 13 Zulhijah 1442

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ

(Surah Ali 'Imran ayat 102)<sup>2</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>3</sup> وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ<sup>4</sup> فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT, dengan mentaati segala perintah dan menjauhi segala larangan Nya. Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba Allah yang terbaik, beroleh kejayaan dunia dan kejayaan akhirat.

Islam menitikberatkan persaudaraan dan perpaduan dalam kalangan umat manusia tanpa mengira agama, bangsa dan keturunan. Khutbah pada hari ini akan membincangkan tajuk: "ISLAM MEMUPUK PERSAUDARAAN DAN PERPADUAN".

### Hadirin yang dirahmati Allah,

Hak dalam Islam terbahagi kepada dua; pertama: hak Allah, dan kedua: hak manusia. Hak Allah merujuk ikatan hubungan Allah dengan hamba Nya, melalui ibadat bersolat, berpuasa, menunaikan zakat, mengerjakan haji dan pelbagai ibadat lain. Manakala hak manusia, merujuk pada kaedah menuntut secara baik, hak yang telah diperuntukkan bagi diri seseorang manusia dan menghindarkannya daripada sebarang kemudaratan; dengan berlaku adil sesama umat tanpa merampas hak orang lain. Kita diseru berbuat baik dan kita

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Ayat Al-Quran

<sup>3</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>4</sup> Pesan Taqwa



diseru berlaku adil, bukan sahaja sesama saudara Islam, tetapi turut diseru berbuat baik dan berlaku adil sesama penganut agama lain, berpandukan firman Allah dalam Surah Al-Mumtahanah, ayat 8:

لَا يَنْهَىٰ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتُلُوا فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوا مِنْ دِينِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا  
إِلَيْهِمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

Bermaksud: “Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama, dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.”

#### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Berdasarkan perangkaan tahun 2019, Malaysia mempunyai 32.6 juta orang penduduk; 29.4 juta orang warganegara, terdiri dari pelbagai kaum yang menganut pelbagai agama dan mengamalkan pelbagai budaya; sementara 3.2 juta orang, bukan warganegara, merangkumi pelawat dan pelancong asing, serta imigran dan pelarian dari negara lain. Dalam hasrat mahu membina sebuah negara yang aman, harmoni lagi makmur, amatlah penting dipupuk semangat saling memahami - saling menghormati - saling bekerjasama antara 32.6 juta orang penduduk di negara ini, agar tidak ada pihak yang terasa mereka terpinggir, tersisih atau dizalimi.

Diperhatikan berlaku pelbagai buruk sangka, mengakibatkan berlakunya jurang pemisahan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan budaya, berpunca daripada kurangnya pemahaman dan renggangnya hubungan antara satu sama lain. Keadaan bertambah mudarat, apabila isu berkaitan kaum, agama dan budaya, dijadikan modal untuk disensasikan oleh kumpulan politik tertentu kerana mahu mendapat laba politik. Oleh itu, para pemimpin yang diamanahkan dengan tanggungjawab mengurus tadbir negara, wajib memberikan keyakinan bahawa setiap insan di negara ini, mempunyai tempat dan masa hadapan, dan setiap insan dijamin secara perundangan mendapat layanan secara adil lagi saksama.

#### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Islam amat menitikberatkan kepentingan ukhuwah (persaudaraan) dan perpaduan. Rasulullah SAW berjaya memupuk persaudaraan dan perpaduan antara puak Ansar dan



puak Muhajirin semasa peristiwa Hijrah; diikuti dengan kejayaan Baginda mempersaudarakan suku Aus dan Khazraj yang begitu lama bersengketa, diperluaskan lagi dengan kejayaan Baginda mengharmonikan hubungan antara pelbagai puak dan kumpulan yang tinggal di Madinah dan kawasan sekitar. Kebijaksanaan Rasulullah SAW memupuk semangat persaudaraan dan perpaduan hendaklah dijadikan rujukan dalam hasrat mahu memupuk perpaduan dan persaudaraan antara rakyat dan penduduk Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan budaya.

Rasulullah SAW juga tidak mengamalkan diskriminasi antara keturunan, puak dan kaum; dibuktikan apabila Rasulullah SAW memberikan penghormatan, menugaskan Bilal bin Rabah, seorang hamba kulit hitam keturunan Habsyi, untuk melaungkan azan. Firman Allah SWT dalam Surah AL-Hujurat, ayat 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Bermaksud: “Wahai manusia, kami ciptakan kamu lelaki dan perempuan, berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia (di akhirat kelak) di sisi Allah, adalah orang yang bertakwa daripada kalangan kamu”.

Ayat ini menegaskan Allah SWT menyeru umat untuk bertaaruf (berkenalan) antara satu sama lain tanpa mengira jantina, bangsa dan kaum.

Rasulullah SAW berjaya menggubal perlembagaan negara, dikenali Piagam Madinah, merupakan perlembagaan bertulis yang pertama di dunia. Piagam Madinah digubal berpaksikan konsep Rahmatan Lil 'Alamin (rahmat seluruh alam) dan semangat Wasatiyyah (kesederhanaan), bertujuan mengurus tadbir negara secara aman serta mengutamakan penyatuan ummah dalam kalangan masyarakat majmuk di Madinah. Piagam ini menggesa penduduk Madinah hidup bersatu dalam semangat ta'awun (tolong-menolong) antara satu sama lain; Fasal 2 Piagam Madinah mencatatkan:

“Inilah piagam bertulis dari Muhammad (Nabi) antara orang-orang mukmin dan Muslimin kalangan Quraisy dan ahli Yathrib serta orang-orang yang mengikuti mereka, mempersatukan diri dan berjuang bersama-sama mereka”.

### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat dan Pengisytiharan Kaheerah merupakan dua dokumen yang ketika ini telah menggariskan hak-hak asasi dan kebebasan yang dimiliki oleh



setiap insan sejak dilahirkan; diakui bahawa kesemua manusia adalah sama rata daripada segi martabat asasi kemanusiaan dan kewajipan-kewajipan serta tanggungjawab-tanggungjawab asas, tanpa sebarang diskriminasi atas dasar bangsa, warna kulit, bahasa, jantina, kepercayaan agama, afiliasi politik, status sosial ataupun sebab-sebab lain.

Kejayaan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang progresif boleh dicapai apabila masyarakat Malaysia yang berbilang agama, kaum dan budaya menghargai pentingnya dipupuk persaudaraan dan perpaduan melalui semangat saling memahami, saling menghormati, dan saling bekerjasama antara satu sama lain.

### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Kesimpulan daripada khutbah pada hari ini adalah:

**Pertama:** Islam ialah agama yang amat menitik beratkan keamanan untuk dicapai melalui pemupukan semangat persaudaraan dan perpaduan antara insan yang memiliki pelbagai latar belakang agama, kaum dan budaya. Orang yang paling mulia di sisi Allah, ialah orang yang bertakwa.

**Kedua:** Masyarakat perlu memainkan peranan memelihara ukhuwah sesama manusia dengan mengamalkan semangat saling memahami, saling menghormati, dan saling bekerjasama antara satu sama lain.

**Ketiga:** Dengan mengambil iktibar falsafah, tujuan dan pelaksanaan Piagam Madinah, Perlembagaan Negara wajib diluhurkan dan undang-undang negara wajib didaulatkan; dilaksanakan secara adil - secara saksama, kepada semua rakyat tanpa dilihat mengamalkan budaya dua darjat, yang memberi keistimewaan kepada mana-mana pihak, atau mendiskriminasikan mana-mana pihak, berdasarkan agama, kaum, pangkat dan kekayaan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ  
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَكَفَى، وَأُصَلِّي وَأُسَلِّمُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الْمُصْطَفَى، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَهْلِ الْوَفَا، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>٥</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar kita istiqamah berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, hingga ke hari ini. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama makhluk. Imarahkanlah rumah Allah SWT dengan terus-menerus mengerjakan ibadah dan solat fardu secara berjemaah.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>٦</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>٧</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.  
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ. اللَّهُمَّ انصُرِ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ خُصُوصًا فِي فَلَسْطِينَ، وَفِي كُلِّ مَكَانٍ وَفِي كُلِّ زَمَانٍ.  
اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ، وَالْوَبَاءَ، خُصُوصًا وَيْرُوسَ الْكُورُونَا، وَالْغَلَاءَ، وَالْمِحْنَ، وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَن سَائِرِ بُلْدَانٍ عَامَّةً.<sup>٨</sup>

<sup>5</sup> Memuji Allah

<sup>6</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>7</sup> Pesan Taqwa

<sup>8</sup> Ayat Al-Quran

<sup>9</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Allah**, berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran serta dihindari mereka daripada kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Allah**, berilah kami kebaikan serta keberkatan di dunia dan di akhirat. Jauhilah kami daripada seksa dan azab api neraka.

**Ya Allah**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.